

**PERANAN PENGURUSAN PENGETUA SEKOLAH  
AGAMA BANTUAN KERAJAAN TERHADAP  
DASAR SEKOLAH SELAMAT**

**MOHD MUZAKIR BIN HAJI MD.ALI**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2015**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan pengurusan pengetua di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) terhadap dasar sekolah selamat berdasarkan peranannya sebagai penjaga (*in loco parentis*), penyelesai masalah, dan penghubung. Selain itu kajian bertujuan mengenal pasti hubungan antara setiap peranan pengurusan tersebut dengan tahap keselamatan sekolah. Kajian ini menggunakan soal selidik yang disesuaikan daripada Sistem Penarafan Keselamatan Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia. Data diperolehi dengan mengedarkan soal selidik kepada 217 responden dalam kalangan guru, kakitangan sekolah dan ahli jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di SABK yang terpilih. Kekerapan, min dan peratusan digunakan untuk menganalisis dapatan bagi kesemua item yang dibangunkan. Manakala ujian korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara peranan pengurusan pengetua terhadap tahap keselamatan sekolah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan iaitu 22.2 peratus peranan pengurusan pengetua terhadap tahap keselamatan sekolah berdasarkan aspek pengetua sebagai penjaga, penyelesai masalah dan penghubung. Implikasi kajian ini sangat berfaedah khususnya kepada pihak pengurusan SABK bagi usaha penambahbaikan peranan pengetua terutama dalam Piawaian Keselamatan Sekolah.



## ABSTRACT

### THE ROLE OF GOVERNMENT AIDED RELIGIOUS SCHOOL PRINCIPALS' MANAGEMENT TOWARDS THE SAFE SCHOOL POLICY

This study aims to identify the role of government aided religious school (SABK) principals' management towards the safe school policy based on their role as guardians (In Loco Parentis), problem solver and communicator. It also determines the relationship between each management role with the safety level of the school. This study used a set of questionnaires adapted from the School Safety Rating System, Ministry of Education. The data was obtained by distributing questionnaires to 217 respondents from among the teachers, school staff and committee of the Parent Teacher Association from the selected SABK. Frequencies, means and percentages were used to analyze the results of all the items that were developed. The correlation test was used to examine the relationship between the role of management and the level of school safety. As overall, the findings indicated that there was a significant relationship of 22.2 percent of the principals' management roles with the respect to the safety of school based on aspects of the principals as guardian, problem solver and communicator. The implications of this study are very benefited to improve thus upgrade the management of SABK principals especially in the Safety School Standards.

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>JUDUL</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii

<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kerangka Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Batasan Kajian	18
1.10 Definisi Operasional	19
1.11 Rumusan	23

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	24
2.2	Peranan Pengurusan Mintzberg	25
2.3	Peranan Pengetua	29
2.4	Definisi dan Konsep Sekolah Selamat	47
2.5	Program Sekolah Selamat	49
2.6	Prinsip-prinsip Sekolah Selamat	57
2.7	Cara-cara Mewujudkan Sekolah Yang Lebih Selamat	61
2.8	Implikasi Sekolah Selamat	70
2.9	Pentadbir dan Sekolah Selamat	71
2.10	Rumusan	81

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	82
3.2	Rekabentuk Kajian	83
3.3	Instrumen Kajian	84
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	86
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	87
3.6	Kajian Rintis	88
3.7	Analisis Kesahan Instrumen	89
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	90
3.9	Analisis Data Kajian	92
3.10	Rumusan	95

**BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	96
4.2	Analisis Data : Bahagian A	97
4.3	Dapatan Kajian	100
4.4	Rumusan	117

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	118
5.2	Perbincangan Kajian	119
5.3	Implikasi Hasil Penyelidikan	124
5.4	Cadangan dan Saranan bagi Pembentukan Sekolah Selamat di Malaysia	125
5.5	Cadangan Kajian akan Datang	127
5.6	Kesimpulan	128

**RUJUKAN**

129

**LAMPIRAN**

- A** Soal selidik
- B** Jadual Penentuan Saiz Sampel
- C** Surat Pengesahan Item Soal Selidik Daripada Jabatan  
Pendidikan Negeri Selangor

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
3.1	Senarai Sampel Kajian di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih Negeri Selangor	87
3.2	Statistik Kebolehpercayaan	91
3.3	Tahap Peranan Pengurusan Pengetua	93
3.4	Tafsiran Pekali Korelasi <i>Pearson-r</i> – Interpretasi Hubungan	94
3.5	Ujian Statistik	95
4.2.1	Taburan Demografi Responden Berdasarkan Jantina	97
4.2.2	Umur Responden	98
4.2.3	Pengalaman dalam sektor pendidikan	99
4.3.1(a)	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Peranan Pengetua sebagai Penjaga	100
4.3.1(b)	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Peranan Pengetua sebagai Penyelesa Masalah	103
4.3.1(c)	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Peranan Pengetua sebagai Penghubung	106

4.3.1(d)	Rumusan Tahap Peranan Pengurusan Pengetua sebagai Penjaga, Penyelesai Masalah dan Penghubung	108
4.3.2(a)	Keputusan Ujian- <i>t</i> Perbezaan Min Pengetua sebagai Penjaga berdasarkan Jantina Responden	109
4.3.2(b)	Keputusan Ujian- <i>t</i> Perbezaan Min Pengetua sebagai Penyelesai Masalah berdasarkan Jantina Responden	110
4.3.2(c)	Keputusan Ujian- <i>t</i> Perbezaan Min Pengetua sebagai Penghubung berdasarkan Jantina Responden	111
4.3.3	Korelasi Peranan Pengetua (Penjaga, Penyelesai Masalah, dan Penghubung) Terhadap Tahap Keselamatan Sekolah	112
4.3.4(a)	Ringkasan Model	114
4.3.4(b)	Rumusan ANOVA	115
4.3.4(c)	Beta Coefficients	116
5.2.2	Taburan Mengikut Ujian- <i>t</i> untuk Perbezaan Peranan Pengetua Terhadap Tahap Keselamatan Sekolah Berdasarkan Ciri Jantina Responden	121
5.2.3	Analisis Perhubungan antara Peranan Pengetua (Penjaga, Penyelesai Masalah dan Penghubung) Terhadap Tahap Keselamatan Sekolah	123

**SENARAI RAJAH**

<b>No.Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
1.1	Kerangka Konsep Peranan Pengurusan Pengetua - Dasar Sekolah Selamat	16
2.1	Model Peranan Pengurusan Mintzberg (1980)	28
2.2	Model Peranan Kepengetuaan (2007)	46
2.3	Model Keselamatan Sekolah Untuk Menjadikan Murid Selamat	48



**SINGKATAN**

KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
PEMADAM	- Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PIBG	- Persatuan Ibu Bapa dan Guru
RELA	- Pasukan Sukarelawan Malaysia
SABK	- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAMT	- Sekolah Agama Menengah Tinggi
SAM	- Sekolah Agama Menengah
SPI	- Surat Pekeliling Ikhtisas

PERENCANAAN DAN PENGETAHUAN KESELAMATAN SEKOLAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Keselamatan sekolah adalah satu aspek penting dalam pengurusan sesebuah sekolah.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berkenaan keperluan pihak pengurusan sekolah bagi memastikan keselamatan pelajar semasa berada dalam kawasan sekolah, khasnya berkenaan makmal sekolah, bangunan sekolah, acara sukan, dan padang permainan. Seterusnya, Dasar Sekolah Selamat telah dipertingkatkan pelaksanaannya di semua sekolah di Malaysia mulai tahun 2002 melalui pengedaran surat pekeliling dan manual sekolah selamat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Dasar ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keselamatan kakitangan dan pelajar di

sekolah-sekolah daripada ancaman bahaya yang disebabkan oleh faktor persekitaran, prasarana, dan manusia.

Sejumlah tiga puluh buah sekolah di seluruh Malaysia telah dipilih untuk menjadi sekolah perintis bagi proses pelaksanaan dasar berkenaan. Antara perkara penting untuk membina sekolah selamat ialah (a) penyelenggaraan bangunan sekolah; (b) memastikan kebersihan sekolah; (c) persekitaran sekolah yang bebas daripada gangguan; (d) dasar disiplin yang konsisten dan ditadbir dengan adil; dan (e) budaya hormat (KPM, 2002).

Dasar sekolah selamat diperkemaskan lagi dari segi pelaksanaannya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2007 dengan memperkenalkan program Keceriaan, Kesihatan dan Keselamatan (3K) di semua sekolah yang berlandaskan kepada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Takrifan kebersihan adalah personaliti diri warga sekolah yang cemerlang dan persekitaran sekolah yang bersih, indah dan kondusif dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan berkesan. Manakala takrifan kesihatan adalah sihat, cergas, dan cerdas dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek supaya murid dapat mengawal dan mengurus diri dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah diri. Seterusnya takrifan keselamatan adalah suasana yang selamat sama ada di dalam atau di luar sekolah boleh meningkatkan keyakinan dan kekuatan dalaman diri (jati diri murid) daripada sebarang pengaruh dan ancaman luar (KPM, 2007).

Bagi memastikan keselamatan sekolah sentiasa berada pada tahap memuaskan serta terjamin, KPM telah menggubal satu mekanisme penarafan keselamatan yang standard dinamakan Piawaian Keselamatan Sekolah (PKS) untuk diguna pakai di semua sekolah termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Instrumen PKS adalah mekanisme yang bertujuan untuk membuat penilaian dan piawaian tahap keselamatan sekolah.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pengetua merupakan pemimpin, pentadbir, dan pengurus yang melaksanakan pelbagai fungsi dalam menentukan keberkesanan sesebuah sekolah. Kualiti kepimpinan yang tinggi amat diperlukan untuk mengurus dan mentadbir sekolah ke arah kecemerlangan murid dan warga sekolah khususnya dalam era globalisasi dunia pendidikan pada masa kini. Menurut Shukri dan Syed Ismail (2004:96) pelajar era ledakan maklumat pada masa kini hadir ke sekolah selain untuk memenuhi matlamat pembelajaran, turut membawa permasalahan peribadi dan sosial yang akhirnya diasimilasi ke dalam persekitaran fizikal sekolah.

Tujuan utama pelaksanaan program sekolah selamat ini ialah untuk mewujudkan iklim persekitaran sekolah yang harmoni supaya warga sekolah merasa selamat. Aspirasi sekolah selamat menjadikan sekolah sebagai tempat yang selamat daripada pengaruh perbezaan budaya dan nilai setiap individu atau kumpulan dihargai

oleh semua pihak. Selain itu usaha telah dilaksanakan untuk menyerapkan amalan

menjaga keselamatan dijadikan budaya dalam kehidupan sehari-hari komuniti sekolah (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2002). Oleh yang demikian dalam pelaksanaan program sekolah selamat, beberapa panduan perlu diberi perhatian oleh semua sekolah.

KPM mengharapkan kesan dan persekitaran sekolah yang selamat akan mewujudkan warga sekolah yang bahagia, sihat mental, dan emosi serta mampu memberi tumpuan sepenuhnya kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan juga aktiviti kokurikulum. Alam persekolahan yang selamat dan menyeronokkan akan meningkatkan keyakinan dan kekuatan dalam diri murid bagi membantu pencapaian akademik dan pembangunan seseorang murid serta rela memberi sumbangan secara positif kepada sekolah, masyarakat dan negara. Bagi memastikan keberkesanannya, maka program ini merupakan penglibatan warga sekolah, ibu bapa dan masyarakat setempat serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan di samping peranan pengetua yang mempunyai kompetensi yang diperlukan dalam mengurus dan memimpin sekolah dalam merealisasikan dasar-dasar kementerian.

Menurut Shahril (2000) kejayaan sesebuah sekolah banyak dipengaruhi oleh kepimpinan pentadbir yang berkesan. Oleh yang demikian, pentadbir sekolah berperanan sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di sekolah termasuklah dalam menjayakan program sekolah selamat. Manakala menurut Suzalie (2003), beberapa perkara perlu diatasi untuk memastikan kecemerlangan sekolah agama, antaranya pengurusan dan pentadbiran sekolah yang profesional.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Mutakhir ini media massa sering membuat liputan berkenaan mutu keselamatan sekolah yang agak longgar. Aspek fizikal, sosial, emosi, dan teknikal digambarkan seolah-olah sekolah hari ini kurang selamat dan kurang menyakinkan orang ramai. Misalnya kejadian yang berlaku pada 10 September 2011 (Utusan Melayu, 2011) di Kuching iaitu dua guru lelaki sebuah sekolah menengah di Santubong, Sarawak cedera selepas diserang sekumpulan lelaki termasuk bapa seorang pelajar yang menceroboh masuk ke kawasan sekolah. Motif serangan dipercayai ekoran rasa tidak puas hati pelajar itu yang berselisih faham dengan salah seorang mangsa kerana dikenakan tindakan disiplin beberapa hari sebelum kejadian. Namun realitinya bukanlah semua sekolah berkeadaan begitu kerana masih banyak lagi sekolah di negara ini berkeadaan selamat dan berfungsi secara efektif.

Perubahan iklim pendidikan telah mewujudkan keperluan mengenal pasti kaedah, strategi, dan model program yang mampu mempertingkatkan keselamatan murid dan guru. Pihak sekolah, persatuan ibu bapa, dan komuniti setempat seharusnya bertanggungjawab untuk bersama-sama melaksanakan dan merealisasikan “Dasar Sekolah Selamat”. Hari ini kejadian seperti pergaduhan, rogol, cabul, gangsterisme, dan membakar sekolah oleh pelajar semakin menjadi isu yang hangat diperkatakan. Sebagai contohnya, kes remaja maut ditumbuk rakan asrama menjadi berita utama pada 1 Mei 2014. Seorang pelajar lelaki Tingkatan Tiga Sekolah Agama Menengah Rawang (SAMER) di sini maut dalam satu pergaduhan sesama rakan (Berita Harian, 2014). Selain daripada itu, kes serangan pihak luar juga berlaku pada 15 Jun 2012 (DIDIK)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
 (Berita Harian, 2012), sekumpulan kongsi gelap yang bersenjatakan kayu, besi, cota dan topi keledar menyerang lebih 30 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheras Perdana, Kuala Lumpur. Kejadian yang berlaku sekitar jam 12.30 tengah hari itu telah menyebabkan lebih 10 pelajar dan seorang guru penolong kanan sekolah berkenaan cedera parah.

Jika sebelum ini kes yang berkaitan tingkah laku pelajar lelaki yang dilaporkan, tetapi kes yang berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan, Perlis ini pula melibatkan pelajar perempuan yang menjadikan seorang guru wanita sebagai sasaran dengan menendang perut guru tersebut beberapa kali berikutan tidak berpuas hati ditegur kerana lewat menghantar tugas sekolah dan bertindak menulis perkataan yang tidak senonoh di folionya. Manakala pada 18 September 2012, akhbar Harian Metro menyiarkan, Jabatan Pelajaran Negeri Kedah telah mengesahkan dua pelajar lelaki dari sebuah sekolah menengah di negeri tersebut terbabit dalam insiden menyerang dan memukul guru disiplin hanya kerana guru terbabit menegur mereka kerana tidak menyertai perhimpunan pagi.

Tahap keselamatan semasa aktiviti luar bilik darjah juga perlu diambil perhatian yang serius oleh pihak sekolah. Ini berikutan insiden yang yang menimpa Mohd Hidayat bin Mohd Yazid dan empat rakannya pada 14 September 2012 di sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan (Harian Metro, 15 September 2012), melecur teruk pada muka dan badan semasa program barbeku yang dijalankan dalam kawasan sekolah tersebut. Seterusnya kes terbaru yang dilaporkan pada 10 Ogos 2013, lima pelajar SMK (Puteri), Seremban melecur di muka, tangan dan kaki

ekoran dapur gas meletup semasa aktiviti memasak bersempena Hari Koperasi sekolah (Berita Harian, 11 Ogos 2013). Manakala kes terbaru yang berlaku di sebuah sekolah menengah di daerah Klang, melibatkan seorang pelajar tingkatan dua maut setelah dihempap tiang gol (Berita Harian, 14 Julai 2013). Menurut saksi, mangsa dikatakan bergayut pada tiang gol bersama-sama rakannya sebelum tiang gol itu jatuh dan menghempap mangsa.

Kes-kes yang turut mendapat perhatian ialah kes-kes berhubung kejadian kebakaran dan dakwaan jenayah atau sivil yang dikenakan ke atas pentadbir dan guru-guru di sekolah. Antaranya insiden kebakaran asrama yang membabitkan 429 orang pelajar lelaki Maktab Rendah Sains Mara Kuala Kubu Baru yang terpaksa tidur di surau sekolah tersebut akibat satu blok asrama sembilan bilik yang menempatkan mereka hangus terbakar pada 11 September 2012 yang lalu (Akhbar Harian Metro, 12 September 2012). Insiden kebakaran juga berlaku di SABK bertarikh 12 Ogos 2014 di mana sekumpulan pelajar asrama Sekolah Agama Menengah Tinggi Sungai Manggis, Kuala Langat berhadapan detik cemas apabila bangunan tingkat satu asrama mereka terbakar dalam satu kejadian kira-kira jam lima pagi (Sinar Harian, 2014).

Di samping itu, kes buli yang berlaku di sekolah perlu diambil perhatian yang wajar oleh warga sekolah. Negara telah digemparkan dengan berita “Senior Melampau” di Gurun, Kedah (Harian Metro, 10 Oktober 2012). Tindakan pelajar senior yang merakam gambar pelajar berusia 13 tahun dalam keadaan berbogel dengan menggunakan telefon bimbit.

Menurut Khalim, Rohani, Zakaria, dan Mizan Adiliah (2007) yang merujuk kepada kajian Noran Fauziah (2004) pula menyatakan bilik darjah tidak lagi selamat kepada pelajar. Kajian menunjukkan salah satu salah laku disiplin yang kerap berlaku di sekolah ialah kegiatan membuli. Dapatan Noran Fauziah (2004) menunjukkan 95.8 peratus pelajar sekolah menengah dan 82.7 peratus pelajar sekolah rendah membuli secara psikologi manakala 65.3 peratus pelajar sekolah menengah dan 56 peratus pelajar sekolah rendah telah membuli secara fizikal. Melihat kepada angka-angka ini timbul perasaan gerun tentang senario iklim sekolah hari ini.

Pelbagai perdebatan timbul dan masing-masing menunding jari sesama mereka berkenaan keadaan disiplin dan keselamatan sekolah. Pelbagai cadangan dan tindakan telah dibuat untuk mengatasi isu yang berhubung dengan keselamatan sekolah ini tetapi sehingga kini ia masih tiada penghujungnya. Sorotan insiden yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan ini telah menggambarkan bahawa tahap keselamatan sekolah di tahap yang genting bak kata pepatah ‘retak menanti belah’. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti sejauhmana peranan pengurusan pengetua khususnya di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam menterjemahkan tanggung jawabnya tentang konsep sekolah selamat terhadap warga sekolah dan pihak-pihak yang berkaitan.

Senario ini menunjukkan bahawa masih terdapat pengetua sekolah hari ini kurang memiliki kompetensi yang diperlukan sebagai seorang pemimpin sekolah bagi menangani segala isu dan permasalahan yang timbul. Pengurus sekolah yang tidak menguasai pengetahuan mengenai polisi sekolah selamat yang dilaksanakan

menyebabkan mereka tidak dapat membuat keputusan dengan lebih berkesan dalam pengurusan keselamatan sekolah (Trider dan Leithwood, 1988).

Pengetua SABK misalnya perlu menjadikan peraturan berkenaan keselamatan sebagai sebahagian daripada peraturan sekolah yang perlu difahami dan dipatuhi oleh semua pihak termasuk guru-guru, kakitangan dan ibu bapa. Pelaksanaan mengenai peraturan keselamatan di sekolah perlu dijalankan secara tegas dan berterusan. Antaranya meliputi peraturan keselamatan dalam aktiviti sukan dan kokurikulum, peraturan di bangunan sekolah seperti bilik darjah, bengkel dan makmal, disiplin murid, lawatan, dan aktiviti - aktiviti yang melibatkan pelajar.

Pihak KPM telah mengatur beberapa langkah dan strategi bagi memastikan sekolah diurus dan dipimpin oleh pengetua yang kompeten dengan menjalankan kursus-kurusus bagi melengkapkan diri pengetua dengan kompetensi yang diperlukan. Selain itu, KPM turut menggubal Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) dan Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) sebagai garis panduan agar pengetua dapat bertindak dengan cemerlang dalam semua amalan pengurusan dan kepimpinan di sekolah.

Namun masalah rasa tidak puas hati terhadap pengurusan dan pentadbiran sekolah termasuk isu keselamatan sekolah masih dibicarakan dalam media massa. Menurut kajian Azlin Norhaini (2006), melaporkan dalam beberapa situasi pengetua masih kurang proaktif, kurang kreatif, kurang inovatif, sering kali hilang fokus kepada matlamat pengurusan sebenar. Kajian Saripah (2004) menunjukkan kompetensi

seperti kepimpinan pentadbir, perancangan strategik, hubungan kemanusiaan dan keberkesanan peribadi pengetua sangat diperlukan untuk mewujudkan sekolah berkesan dan selamat.

Sesungguhnya kepimpinan pentadbir mempengaruhi usaha merealisasikan sekolah sebagai zon selamat kepada warganya. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh yang signifikan antara kepimpinan pentadbir dengan pembentukan sekolah selamat (Asmah Ahmad, 1998). Perkara ini diakui oleh Shamsiah et al. (2005), kepimpinan pentadbir memberi pengaruh dalam tindakan keselamatan sekolah. Senario ini telah mencetuskan idea untuk menjalankan kajian ini khususnya berkaitan dengan keberkesanan peranan pengurusan pengetua terhadap perlaksanaan dasar sekolah selamat.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk menilai sejauhmana peranan pengurusan pengetua SABK sebagai penjaga, penyelesai masalah, dan penghubung terhadap dasar sekolah selamat. Objektif khusus kajian adalah untuk :

- i. Mengenal pasti tahap peranan pengurusan pengetua sebagai penjaga, penyelesai masalah, dan penghubung terhadap keselamatan sekolah.
- ii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara peranan pengetua sebagai penjaga, penyelesai masalah, dan penghubung terhadap tahap keselamatan sekolah

- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara peranan pengetua sebagai penjaga, penyelesai masalah, dan penghubung dalam kalangan pengetua terhadap tahap keselamatan sekolah.
- iv. Mengenal pasti faktor peranan pengurusan pengetua yang paling mempengaruhi tahap keselamatan sekolah.

### 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut :

- i. Apakah tahap peranan pengurusan pengetua (penjaga, penyelesai masalah, dan penghubung) terhadap keselamatan sekolah?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara peranan pengetua sebagai penjaga, penyelesai masalah, dan penghubung terhadap tahap keselamatan sekolah dalam kalangan pengetua berdasarkan jantina responden?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara peranan pengetua sebagai penjaga, penyelesai masalah, dan penghubung dalam kalangan pengetua terhadap tahap keselamatan sekolah?
- iv. Apakah faktor peranan pengurusan pengetua yang paling mempengaruhi tahap keselamatan sekolah?

## 1.6 Hipotesis Kajian

### Soalan Kajian 2

*Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peranan penjaga terhadap tahap keselamatan sekolah mengikut jantina responden.*

*Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peranan penyelesai masalah terhadap tahap keselamatan sekolah mengikut jantina responden.*

*Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peranan penghubung terhadap tahap keselamatan sekolah mengikut jantina responden.*

### Soalan Kajian 3

*Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peranan penjaga dengan tahap keselamatan sekolah.*

*Ho5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peranan penyelesai masalah dengan tahap keselamatan sekolah.*

*Ho6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peranan penghubung dengan tahap keselamatan sekolah.*

## 1.7 Kerangka Kajian

### 1.7.1 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka kajian ini adalah berdasarkan kepada kombinasi Model Peranan Pengurusan Mintzberg (1980), Model Peranan Kepengetuaan (Azlin dan Roselan, 2007), dan Model Keselamatan Sekolah untuk menjadikan murid selamat (KPM, 2007).

Mintzberg (1980) telah mencadangkan tiga kelompok peranan pengurus iaitu peranan interpersonal, peranan maklumat, dan peranan membuat keputusan. Peranan interpersonal merangkumi peranan pengurus sebagai ketua, pemimpin, dan penghubung. Peranan maklumat merangkumi peranan sebagai pemantau, penyebar, dan jurucakap. Manakala peranan membuat keputusan merangkumi peranan sebagai usahawan, penyelesai masalah, pengagih sumber, dan perunding.

Model Peranan Kepengetuaan (Azlin dan Roselan, 2007) pula telah meletakkan peranan pengetua sebagai penjaga. Menurut kajian Azlin dan Roselan (2007), kebanyakannya pengetua prihatin tentang hal-hal yang berkaitan keselamatan dan kesejahteraan murid. Tingkah laku ini selari dengan tugas dan tanggungjawab ibu bapa yang merupakan penjaga kepada anak-anak mereka. Senario ini menjelaskan bahawa peranan sebagai penjaga turut dimainkan oleh pengetua semasa mengurus sekolah masing-masing. Peranan sebagai penjaga ini sesuai dikelompokkan dalam

kategori interpersonal kerana berkait rapat dengan tingkah laku untuk membina hubungan interpersonal dengan murid dan ibu bapa.

Program keselamatan sekolah yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bermatlamat mewujudkan budaya selamat di sekolah dan persekitaran secara berterusan dengan sokongan keluarga dan komuniti setempat. Model yang diketengahkan bertujuan melahirkan murid selamat hasil daripada kombinasi sekolah selamat, keluarga selamat, dan komuniti yang selamat. Antara objektif program ini adalah (i) melahirkan murid berkeperibadian unggul menerusi pemupukan pengetahuan; (ii) mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat; dan (iii) meningkatkan kerjasama dan penglibatan semua pihak dalam program keselamatan sekolah. Aspek-aspek pemastian keselamatan dalam program ini termasuklah (i) pengurusan organisasi; (ii) fizikal sekolah; (iii) aktiviti murid; (iv) pengurusan krisis; (v) pengurusan disiplin; dan (vi) pengurusan disiplin asrama (KPM, 2007).

Peranan pengetua sebagai penjaga adalah menjaga keselamatan dan kesejahteraan murid di samping kewajipan untuk mendidik seperti mengajar, memberi nasihat, teguran, dan menjaga keselamatan semua murid yang berada di bawah jagaan dan kawalannya. Menurut Tie (2002), peranan penjaga sebagai *in-loco-parentis* yang bermaksud menuntut agar pengetua mengambil langkah berjaga-jaga yang yang sesuai untuk menjaga dan mendidik selagi murid-murid itu berada dalam kawasan sekolah.